

## **UNTUK SIARAN SEGERA**



### **KENYATAAN MEDIA PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

#### **KPM KOMITED TANGANI ISU PELAKSANAAN DLP DI SEKOLAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian laporan media mengenai bantahan pelaksanaan program *Dual Language Programme* (DLP) di beberapa buah sekolah di Pulau Pinang.

DLP adalah program di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik. Ia bertujuan untuk membantu murid meningkatkan penguasaan berbahasa Inggeris dengan memberikan pendedahan masa yang lebih melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah.

Pelaksanaan program DLP adalah berdasarkan garis panduan seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Tahun 2024 bertarikh 19 Mac 2024.

Sekolah yang melaksanakan program DLP perlu memastikan peluang turut disediakan kepada murid yang memohon untuk mengikuti mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa ibunda masing-masing. Pihak sekolah hendaklah memastikan terdapat sekurang-kurangnya satu kelas di setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP menggunakan bahasa Kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 untuk sesi persekolahan baharu mulai tahun 2024/2025.

Bagi menangani isu bantahan pengendalian program DLP yang dibuat oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di beberapa buah sekolah di Pulau Pinang, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dengan memulakan sesi libat urus dengan semua pihak terlibat.

KPM komited untuk menyelesaikan isu yang berbangkit bagi memastikan program DLP dapat dilaksanakan dengan baik berdasar kepada garis panduan yang ditetapkan dan mencapai objektifnya.

**-TAMAT-**

**YB FADHLINA SIDEK  
MENTERI PENDIDIKAN  
6 JUN 2024**